

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HSM 414 Sejarah Masalah Perburuhan di Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi TUJUH [7] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Mengapakah kaum Melayu tidak dijadikan sumber tenaga buruh utama dalam perkembangan rancangan ekonomi kolonial di Malaya?
2. Pencetusan mogok-mogok buruh India di daerah Kelang pada tahun 1941 membayangkan pengaruh nasionalis India dan pergerakan reformis Dravidia. Sejauh manakah pandangan ini menggambarkan keadaan sebenarnya yang mencetuskan peristiwa mogok itu?
3. Sebelum Perang Dunia Kedua, masalah perburuhan China adalah berbeza daripada kaum buruh India. Bincangkan asas perbezaan itu.
4. Selepas pendudukan Jepun di Malaya, Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya memainkan peranan yang berkesan dalam pergerakan buruh antara 1945 dan 1948. Bincangkan asas kekuatan pertubuhan itu yang menjadikannya amat popular di kalangan kaum buruh.
5. Bagaimanakah pihak Kerajaan Kolonial berjaya mempertahankan kedudukannya daripada cabaran Kesatuan Sekerja Umum SeMalaya antara 1945 dan 1948?

6. Sejauh manakah "pergerakan kesatuan sekerja baru" yang diistiharkan oleh John Brazier, penasihat kesatuan sekerja, pada peringkat awal Darurat berbeza daripada tahap pergerakan buruh antara 1945 dan 1948?
7. Sekatan-sekatan baru yang diwartakan dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 sebenarnya merupakan reaksi pihak kerajaan terhadap perkembangan-perkembangan baru yang berlaku selepas 1955 dalam bidang perburuhan dan politik di Malaya dan Singapura. Bincangkan.

-ooo000ooo-